

H A D I F A Y Y A D H

K E T I K A

AZAZIL
BERPUTUS ASA

H A D I F A Y Y A D H

Dari Novelis No.1 Best Seller Malaysia

ketika
AZAZIL
B E R P U T U S A S A

Runtuhnya dominasi empayar Iblis



Teaser Percuma Ketika Azazil Berputus Asa

Sila baca teaser ini sambil mendengar muzik

EPIC HYBRID EPIC TRAILER

ZION RISING

Muat turun di Youtube

*Anda akan merasai pengalaman atau kembara
pembacaan yang sangat luarbiasa*

Selamat membaca

TEASER

KETIKA AZAZIL BERPUTUS ASA

Sebuah kembara Epik Agung

“Runtuhnya Dominasi Empayar Iblis
Pemimpin Akhir Zaman suatu penantian”

Kisahnyanya dibongkar di dalam kitab kuno lampau. Kebangkitannya disebut ribuan tahun lalu. Makhluk Purba yang hidup di dalam sangkar tahanan Tuhan.

Dia menggelarkan dirinya sebagai ‘Tuhan Abadi’ Lantas di dahinya terukir Kaf Fa Ra. Berita Kemunculannya jadi amaran setiap Ummat. ‘The Power Of God’ Bakal dinobat. Penakluk Jendela Timur dan Barat.

Tujuh Penjuru Pintu Dunia, bakal tertutup rapat. Dimensi MASA dan USIA terus berlari. Rotasinya berputar pantas, bagai bukan lagi sehari. Paksi, dan medan magnetik Bumi tidak selari. Matahari terbenam, terbit dari lentera misteri.

Disana, ada cahaya dari Ufuk Timur. Sinarannya mencetus ledakkan pertembungan. Al-Mahdi dan Isa Ibn Maryam, pemusnah dogengan kehebatan. Dibelakangnya gah tentera pembawa panji destini ketauhidan dan keamanan.

Misi dominasi empayar Iblis bakal dihancurkan. Kembara ini, menembusi era dan zaman, jawaban kepada ummat penutup peradaban kehidupan.



Teaser Percuma Ketika Azazil Berputus Asa

ISI KANDUNGAN

Sebening Tafakur Di Galaksi Luhur
Dominasi Misteri Langit Gelap
Dimensi Proksi Masa Terhenti
Apokalips
Rahsia Kitab Purba
Bacalah Dengan Nama Tuhanmu
Munafik
Pemburu Disebalik Bintang
Kembara Menuju Tuhan
Bicara Kota Suci
Proksi Makhluk Bermata Satu
Halusinasi Atau Mimpi
World War 'Z'



- Iluminasi Dunia**
- Kosmos Gelap**
- Dentuman Dari Langit**
- Keringnya Danau Tibris**
- Ketika Azazil Berputus Asa**
- Wasiat Penunggu Gua**
- Nota Kecil Dari Tuhan**
- Binatang Berbulu Apakah Itu?**

*Dan banyak lagi tajuk dan jalan cerita yang pasti
mendebarakan anda*



Kisah bermula

Prof. Dr. Fayyadh seorang saintis astronomi Muslim, Athies pada pegangan aqidahnya, membesar di Kanada dan menetap di Kuala Lumpur Malaysia. Beliau telah menghabiskan sisa hidup dengan mengkaji infiniti semesta kepada maha luasnya galaksi sehingga mewujudkan alam tidak berpenghujung ini.

Teori Big Bang yang diperkenalkan oleh saintis barat Edwin Hubble 1929, baginya hanyalah suatu rekaan dan mustahil dunia ini bermula dengan Mega letupan.

Beliau cuba mencari jawapan sehingga menemukan bahawa teori alam ini akan berakhir '*Penamatan Kosmos*' melalui fasa peristiwa akhir zaman yang langsung tidak masuk akal baginya.

Dia menganggap walaupun ia terjadi, ia adalah fenomena alam yang biasa berlaku kepada mana-mana planet, bukan keseluruhan galaksi. Namun, ada suatu penemuan kajian yang telah merubah paradigma pemikirannya tentang fenomena big bang dan kiamat.

Peristiwa kegagalan 11 bintang sejajar yang disebut '*Revolution Of Universe*' telah memberi impak yang cukup luarbiasa kepada keseimbangan dunia.

Fenomena Bulan Gerhana Berdarah dan Tsunami yang mengorbankan 1 Juta nyawa, gempa bumi yang terjadi dalam bentuk lingkaran yang luas menjadikan fenomena ini bukanlah berdasarkan kepada teori kebiasaan dalam dunia astronomi.

Dia mulakan langkah dengan membongkar beberapa dokumentasi sains, dan mencari solusi sehingga beliau akur untuk menjadikan juga kitab-kitab purba ' *The Ancient Books*' sebagai rujukkan apabila sains menemui kegagalan.

Namun, apa yang dia temukan hanyalah kebuntuan. Fakta jauh menyimpang, dongengan dan kepercayaan mendominasi pegangan.

Inkuiri yang menebal, membuatkan dia tidak berputus asa. DIA mulai menggeledah Kitab-kitab agama samawi.

Taurat, Injil Zabur dibongkarkan, penelitian terhadap ayat-ayat yang melibatkan kepada alam semesta tidak tepat, bahkan langsung tidak masuk akal. Penemuan demi penemuan telah membuatkan dia hampir berputus asa. Semuanya tidak memberi jawapan sejajar dengan fakta.

Sewaktu kebuntuan dirinya memuncak, Dia hampir berputus asa. Kitab mukjizat agung, Al-Quran yang telah lusuh dirumahnya dibuka satu persatu, helai demi helai.

Dia terpana dengan kata-kata yang begitu menakjubkan. Seolah-olah 'Penulis' kitab itu mahu tunjukkan sesuatu kepadanya. Dia sendiri sukar mempercayainya. Dia mengambil keputusan untuk menjadikan Al-Quran sebagai bahan kajian.

" Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada dibumi untuk kamu, dan dia berkehendak menciptakan langit, lalu dijadikanNYA tujuh langit. Dia maha mengetahui segala sesuatu" Al Baqarah ayat 29



Jawapan demi jawapan mula dirungkaikan, teori yang dihasilkannya rupa-rupanya telah sekian lama dijelaskan Al-Quran.

Al Quran bukan sahaja menerangkan, bahkan membetulkan semula hasil kajian yang dijalankannya selama ini. Akhirnya dia menemukan formula jalur semesta '*infiniti kosmos*' sejajar dengan kajiannya selama berpuluh tahun itu.

Namun, ada sedikit keraguan pada dirinya, maka dipertemukan dia dengan ustaz-ustaz jadian yang sukar memberikan dia jawapan.

Mereka dilihatnya bercakap melalui skrip yang telah disediakan, pengetahuan mereka terbatas dan lebih kepada mencari populariti dan nama. Dia berputus asa dengan Islam.

Dia merenung pada sebuah malam, saat bintang tiga sejajar terbit di ufuk timur, seolah sedang menunjukkan arah yang dia perlu tuju. Tiga bintang sejajar adalah bintang yang menunjukkan arah kiblat dan kota Mekah.

Dia memberanikan diri ke Mekah, mungkin disana dia akan bertemu dengan ilmuan yang tepat. Salah seorang Imam besar Masjidil Haram bersetuju untuk bertemu dengannya.

Pertemuan yang sederhana, namun begitu bermakna.

“ Kamu sedang mencari kebenaran RahsiaNYA, Dia meletakkan ilmumu dibawah tangan kekuasaaNYA, Kamu dalam tatapanNYA, kebuntuanmu membuatkan hatimu akhirnya mempercayai sesuatu, bukankah DIA yang maha membolak balikkan setiap hati?

Langkahmu diatur sehingga bertemu denganku, adakah masih kamu tidak merasakan kehadiranNYA?”

Dia menyambung

“Kamu sedang mencari sang Mahakarya Alam bukan? Kewujudan sang Pencipta itu umpama angin yang membelai tubuhmu, keberadaannya dirasai, namun kamu tidak sesekali mampu menggengam, bahkan memegang sang angin walau kamu nampak bagaimana ia bergerak.

Begitulah keberadaan sang Tuhan, ia menggerakkan tenaga alam, sedangkan kamu tidak melihat DIA yang menggerakkan, namun kamu hanya mampu melihat kuasa alam yang sedang digerakkan.”

Katanya, kamu pasti akan menemukan segala kejadian alam setelah kamu kenal terlebih dahulu siapa yang mencipta jantungmu.

Awaludin huwa makrifatullah

Seawal agama ialah mengenal Allah.

Dia tidak memahami kata-katanya, namun bagi doktrin spiritual yang meresap ke dalam hati.

Kata-kata itu membuatkan Prof. Dr. Fayyadh terkedu dan ingin tahu sesuatu. Dia memberikan beberapa syarat. Iaitu solat lima waktu, bersedekah, bacaan Mathurat dan zikir untuk diamalkan, jika dia ingin tahu segala jawapannya kerana ia perlu datang dari hati mahluk bertuhan.

“ DAN apabila hamba-hambaKU bertanya tentang aku, maka khabarkanlah kepada mereka bahawa sesungguhnya aku sangat dekat”



Zikir dia amalkan, pada mulanya dia tidak nampak apa-apa, lama kelamaan dia terasa seperti dia berada di dalam dimensi masa yang tidak berpenghujung.

DIA melalui zaman,,, permulaan alam.. Malam itu menyaksikan segala.

Fayyadh dibawa menerusi terowong masa, seolah-olah ada makhluk yang sedang meratapi rasa seperti dikhianati. Dia masuk ke alam yang sangat berbeza, dia bukan tidur dan bukannya koma.

Halusinasi antara dua dimensi alam. Makhluk itu berkata-kata kepadanya tentang :

- Dirinya sebagai Iblis.
- Mengapa dia membenci manusia.
- Ruang dan peluang untuk dia bersekongkol menakluki dunia
- Ada satu makhluk yang akan muncul di kalangan manusia iaitu Dajjal, dia disuruh untuk memberi taat setia kepadanya
- Diberitakan ciri-ciri Sang Dajjal.
- Iblis inginkan fayyadh terus dengan pegangan Atheis, dia amat benci apabila manusia mula mencari kebenaran

Saat Azan Subuh berkumandang, Fayyadh terus terpisah dari dimensi alam gentayangan. Dia terdengar dihujung hela nafasnya, tangisan dan gelak ketawa makhluk yang baru sahaja menabiri pertemuan misteri dengannya.

Dia berusaha mencari jawapan disebalik pertemuan. Dia bertemu dengan salah seorang Ulama' terkenal, untuk mencari segala jawapan. Apa yang diberitakan adalah sungguh mengejutkan.

Apakah yang ditemui olehya?

IBLIS yang mula muncul di dalam kamar mimpinya adakah berjaya menamatkan perjalanan mereka di Fasa Akhir zaman ini?

Bagaimana mereka berdepan dengan fitnah Dajjal?

Apakah yang menimpa manusia setelah dunia dihentam Meteor yang besar?

Raja Namrud dan Perkaitan dengan Freemason serta Illuminati, apakah cerita disebaliknya?

Bagaimana kembara panjang yang dilalui Fayyadh bersama sahabatnya setelah mereka terhempas di padang pasir sehingga mereka bertemu dengan Binatang berbulu yang boleh berbicara, Bumi yang menelan manusia dan apa wasiat daripada penunggu gua, serta banyak lagi kisah yang mendebarkan sepanjang perjalanan mereka.

Adakah mereka sempat menyaksikan bagaimana Dajjal dibunuh, dan adakah mereka bertemu dengan Imam Al-Mahadi dan Nabi Isa A.S?

Bagaimana keadaan dunia ketika itu?

Ayuh bongkar kisah menarik ini di dalam Novel Triller pertama Malaysia, Ketika AZAZIL BERPUTUS ASA, Runtuhnya Dominasi Empayar Iblis.

**DAPATKANNYA DI PASARAN SEKARANG.
HANYA AGEN KAMI YANG BERDAFTAR.**



Teaser Percuma Ketika Azazil Berputus Asa